

**PENGARUH ASPEK KEBAJIKAN KE ATAS  
PRESTASI KERJA PEMBANTU RUMAH WARGA  
INDONESIA DALAM DAERAH PONTIAN,  
JOHOR.**

**CHIN PEK LIAN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## DEDIKASI

***Buatmu ibu (LIM SIEW ENG) dan ayah (CHIN YUN LAI) yang dikasihi,  
Doamu, nasihatmu dan pengorbananmu menjadi pelita  
serta panduan perjuangku dalam kehidupan ini ....***

***Buatmu pembimbing yang disanjung,  
Bimbingan, tunjuk ajar, dan jasamu yang diberikan  
tidak akan kulupai ....***

***Buat teman-teman yang dirindui,  
Kejujuran dan keikhlasan dalam persahabatan ini  
akan kukenangi selamanya ....***

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas setinggi-tingginya kepada penyelia projek sarjana saya, Dr Mohamed Sharif Bin Mustaffa atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan projek sarjana ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar tanpa berasa jemu dalam proses menyiapkan projek sarjana ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden kajian atas kerjasama yang telah diberikan dan kesudian mereka meluang masa untuk menjawab item-item dalam borang soal selidik sehingga menjayakan projek ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada ibu bapa yang disayangi atas sokongan moral dan kewangan yang diberi. Di samping itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa berkongsi maklumat serta memberi sokongan moral kepada saya. Tidak lupa juga terima kasih kepada Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Perpustakaan Awam Daerah Pontian yang telah menyediakan banyak bahan rujukan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam projek ini. Sekian terima kasih.

## ABSTRAK

Prestasi kerja pembantu rumah amat diragu-ragukan oleh para majikan semasa pengambilan pembantu rumah warga asing. Antaranya kes yang sering terjadi seperti kes lari dari rumah, penderaan anak tuan rumah, pembunuhan dan kecurian. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi majikan mengenai aspek-aspek kebajikan pembantu rumah mengikut keutamaan, prestasi kerja pembantu rumah serta meninjau pengaruh kebajikan kepada prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia. Kajian ini merupakan kajian deskriptif berbentuk kajian kes yang bersifat kuantitatif. Satu set borang soal selidik yang terdiri daripada 50 item diedarkan kepada 50 majikan pembantu rumah warga Indonesia di sekitar daerah Pontian secara rawak. Item soal selidik ini telah menguji kebolehpercayaannya dengan mengadakan kajian rintis dan indeks kebolehpercayaannya adalah .8835. Data-data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) 15.0 For Windows. Dapatan kajian menunjukkan kesemua aspek kebajikan yang dikaji dipersepsikan sebagai penting oleh majikan kepada pembantu rumah warga Indonesia. Aspek pemakanan dipersepsikan sebagai aspek yang terpenting. Ini diikuti oleh kemudahan perubatan, bebanan kerja, hak kebebasan, gaji dan masa bekerja. Prestasi kerja pembantu rumah didapati berada pada tahap sederhana mengikut persepsi majikan. Melalui dapatan ini, aspek-aspek kebajikan juga didapati mempengaruhi prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia. Maka, hipotesis kajian alternatif yang dibina adalah diterima. Akhir sekali, pengkaji telah mencadangkan beberapa tindakan dan kajian lanjutan yang perlu dilakukan oleh pihak-pihak tertentu.

## ABSTRACT

When hiring foreign domestic help, employers are often uncertain of their performance. This is due to cases like running away from their work place, child abuse, murder and theft. The objective of this research is to emphasize perception employers about the welfare aspects of Indonesian maids according to priority and the work performance of Indonesian maids. It is also to find out whether welfare aspects affect the work performance of Indonesian maids. The research was a descriptive quantitative case study research. A set of questionnaires consisting of 50 items had been distributed randomly to 50 employers of Indonesian maids in Pontian district, Johor. A pilot study had been carried out and the reliability index was .8835. The data had been analyzed using descriptive statistics and inference statistics by Statistical Package For Social Science (SPSS) 15.0 For Windows. The results of the study showed that welfare aspects were important to Indonesian maids from perception employers. The study also found that dietetics was the most important aspect. This followed by medical facilities, burden of work, freedom rights, salary and working time. Work performances of Indonesian maids were at medium level from perception employers. With these findings, the welfare aspects were found to influence the work performance of Indonesian maids. Therefore, alternative hypothesis constructed were accepted. Finally, researcher suggests some actions and continuation researches to the authorities.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PERAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	10
	1.7 Kepentingan Kajian	11
	1.8 Batasan Kajian	12
	1.9 Kerangka Kajian	12

1.10	Definisi Termonologi	13
	1.10.1 Pembantu Rumah Warga Indonesia	13
	1.10.2 Persepsi Majikan	13
	1.10.3 Kebajikan	14
	1.10.4 Hak Kebebasan	14
	1.10.5 Bebanan Kerja	14
	1.10.6 Masa Bekerja	15
	1.10.7 Kemudahan Perubatan	15
	1.10.8 Pemakanan	15
	1.10.9 Gaji	16
	1.10.10 Prestasi Kerja	16
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Garis Panduan dan Syarat-syarat Pengambilan Pembantu Rumah Asing (Pra)	17
2.2	Buruh Asing Di Malaysia	20
2.3	Masalah-masalah Sosial Buruh Asing	21
2.4	Pembantu Rumah Warga Indonesia	24
2.5	Aspek-aspek Kebajikan Pembantu Rumah Warga Indonesia	26
2.6	Prestasi Kerja Pembantu Rumah Indonesia	32
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.4	Instrumen Kajian	37
3.5	Kajian Rintis	39
3.6	Prosedur Kajian	40
3.7	Kaedah Menganalisis Data	41
3.8	Rumusan	43

## **4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	45
4.2	Latar Belakang Responden	46
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	47
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Keturunan	47
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Umur	47
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Tempoh Pembantu Rumah Berkhidmat	48
4.3	Persoalan Kajian Satu	48
4.3.1	Hak Kebebasan	50
4.3.2	Bebanan Kerja	51
4.3.3	Masa Bekerja	52
4.3.4	Kemudahan Perubatan	53
4.3.5	Pemakanan	55
4.3.6	Gaji	56
4.4	Persoalan Kajian Kedua	57
4.4.1	Prestasi Kerja Pembantu Rumah Warga Indonesia	58
4.5	Hipotesis Kajian	62
4.5.1	Hipotesis Kajian Satu	62
4.6	Rumusan	64

## **5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	65
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	66
5.2.1	Aspek-aspek Kebajikan Pembantu Rumah Warga Indonesia Mengikut Keutamaan	66
5.2.2	Prestasi Kerja Pembantu Rumah Warga Indonesia	72
5.2.3	Pengaruh Kebajikan ke atas Prestasi Kerja Pembantu Rumah Warga Indonesia	75
5.2.4	Kesimpulan Perbincangan	78



5.3	Cadangan Kajian	80
	5.3.1 Cadangan Tindakan	80
	5.3.2 Cadangan Kajian Lanjutan	82
5.4	Penutup	83
<b>RUJUKAN</b>		85
Lampiran A- C		93 - 102

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Statistik pekerja asing di Malaysia yang mempunyai Pas Lawatan (Kerja Sementara) tiga bulan pertama tahun 2006	20
2.2	Statistik jenayah yang melibatkan warga asing sepanjang lima bulan pertama tahun 2004	23
2.3	Kos bayaran untuk mendapatkan seorang pembantu rumah Indonesia	25
2.4	Slip gaji pembantu rumah Indonesia selama 2 tahun	25
3.1	Susunan item dalam soal selidik	39
3.2	Tahap analisis min	42
3.3	Tahap pengaruh prestasi kerja	43
4.1	Latar belakang responden	46
4.2	Aspek-aspek kebajikan pembantu rumah warga Indonesia yang dipersepsikan sebagai penting dalam kalangan majikan mengikut keutamaan.	49
4.3	Item-item hak kebebasan	50
4.4	Item-item bebanan kerja	51
4.5	Item-item masa bekerja	52
4.6	Item-item kemudahan perubatan	54
4.7	Item-item pemakanan	55
4.8	Item-item gaji	56

4.9	Persepsi majikan terhadap prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia	58
4.10	Item-item prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia	58
4.11	Tahap pengaruh kebajikan ke atas prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia	62
4.12	Analisis regresi bagi pengaruh aspek-aspek kebajikan ke atas prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia	63

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1.1</b>	Kerangka kajian	12

## SENARAI SINGKATAN

Bil	-	Bilangan
No	-	Nombor
HRW	-	Human Right Watch
SPSS	-	Statistical Package for Social Science
AS	-	American Dollar
CMR	-	Coalition for Migrants Right
HKD	-	Hong Kong Dollar
HIV	-	Human Immunodeficiency Virus
Aids	-	Acquired Immunodeficiency Syndrome
Fomema	-	Foreign Workers Medical Examination Monitoring Agency
Sdn Bhd	-	Sendirian Berhad
Dr	-	Doktor
AWAM	-	All Women's Action Society
ILO	-	Organisasi Buruh Internasional
LRT	-	Light Rail Transit
KPN	-	Ketua Polis Negara
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
SST	-	Sangat tidak setuju
TS	-	Tidak setuju
KS	-	Kurang setuju
S	-	Setuju
ST	-	Sangat setuju
RM	-	Ringgit Malaysia

**SENARAI SIMBOL**

%	-	Peratus
\$	-	Dollar
=	-	Sama dengan
+	-	Positif
-	-	Negatif
≤	-	Lebih kecil daripada atau sama
R	-	Nilai kolerasi
R <sup>2</sup>	-	Pekali penentuan berbilang
P	-	Aras signifikan

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Pengesahan status pelajar	93
B	Surat memohon kebenaran mendapat data statistik pembantu rumah warga asing	94
C	Borang soal selidik	96

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Untuk memenuhi aspirasi negara bagi menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, Malaysia telah berusaha meningkatkan daya kompetitifnya baik dari segi infrastruktur, keupayaan modal dan kualiti sumber manusia. Prestasi kerja pekerja merupakan satu faktor penting semasa pengambilan pekerja. Kini dilaporkan, terdapat seramai 80,000 graduan yang menganggur di seluruh negara (Mohd. Nahar Mohd. Arshad, 2005). Pada masa yang sama, kebanjiran pekerja-pekerja asing bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara turut menjadi isu yang diperkatakan. Adakah ini membuktikan prestasi buruh asing lebih baik daripada pekerja tempatan?

Menurut Ahmad Kamil Mohamed (2007), Malaysia merupakan pengimport buruh asing terbesar di Asia. Menurut beliau, lebih kurang 20 peratus daripada tenaga kerjanya terdiri daripada warga asing, yang sebahagian besarnya ditempatkan di dalam bidang pembinaan, ladang kelapa sawit dan perkhidmatan domestik. Hampir setengah juta warga asing haram, kebanyakannya warga Indonesia telah meninggalkan Malaysia semasa program pengampunan yang berakhir 28 Februari 2004. Keadaan ini telah menyebabkan kekurangan tenaga kerja yang banyak dan menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit terhadap industri terbabit (Utusan Malaysia, 2007, April 11).



Dalam usaha pengurangan penggunaan buruh asing kerajaan telah menggalakkan sektor-sektor menggunakan automasi tetapi setakat hari ini pelaksanaan proses agak lambat kerana mengautomasikan operasi memerlukan modal yang tinggi. Di Negara Jepun, operator mengendalikan perkhidmatan gudang di pelabuhan paling ramai 50 pekerja tetapi di gudang Malaysia memerlukan di antara 400 dan 500 pekerja (Utusan Malaysia, 2004, Ogos 2).

Bekas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid berpandangan bahawa Malaysia menjadi pilihan utama pekerja asing kerana Malaysia dilihat mesra oleh semua bangsa dan agama (Utusan Malaysia, 2004, Ogos 2). Pekerja-pekerja asing ini juga sedar bahawa Malaysia bergantung harapan kepada khidmat mereka. Mereka telah menjadi salah satu dari komponen penting di dalam ekonomi Malaysia. Mereka membina bangunan-bangunan pejabat, menyembelih binatang ternakan, menurap lebuhraya, mengawal kompleks perumahan dan juga menjadi pembantu rumah. Pekerjaan-pekerjaan ini adalah tidak sanggup dikerjakan oleh warga Malaysia terutamanya generasi muda. Pihak majikan lebih rela mengambil perkerja asing kerana mereka lebih bekerja kuat dan menunjukkan prestasi kerja yang baik dengan upah yang sedikit. Kos mengambil warga tempatan bekerja adalah 15% lebih mahal berbanding pekeja asing (*Malaysia Today*, 2004, September 8). Dengan mengambil buruh asing, majikan tidak terbeban membayar caruman KWSP dan malahan tidak perlu menanggung perbelanjaan kesihatan. Laporan *Human Right News* (2004) menunjukkan pekerja asing majoriti menunjukkan prestasi kerja yang baik kerana takut permit mereka dihentikan oleh majikan dan dihantar pulang ke negara asal.

Kebanyakan rakyat negara ini sering menghubungkan kejadian jenayah seperti pecah rumah, kecurian, rompakan dan peras ugut dengan warganegara asing terutamanya buruh asing dari Indonesia. Dengan demikian penduduk tempatan sering berasa terancam dan tidak tenteram lebih-lebih lagi apabila mereka tinggal di kawasan yang menjadi pusat buruh asing. Dato' Haji Noh bin Haji Omar telah menyentuh topik ini dalam Laporan Parlimen Kesebelas 2005. Menurut beliau, kes bunuh yang terlibat buruh asing pada tahun 2003 dan tahun 2004 meningkat kepada 320 kes; dan sehingga bulan April tahun 2005 sudah melibatkan 43 kes. Begitu juga kes-kes yang melibatkan kecederaan seperti seksyen 324, pada tahun 2003 hingga 2004 kesnya

meningkat daripada 192 kes kepada 291 kes. Ini bermakna pertambahan kes melibatkan kecederaan ini sebanyak 51.5%.

Statistik telah menunjukkan jenayah dalam kalangan buruh asing amat tinggi. Kira-kira 50% daripada 49,000 banduan yang ditahan di penjara di seluruh Malaysia adalah warga asing dan kebanyakan mereka memburukkan lagi masalah kesesakan di pusat tahanan (Berita Harian, 2007, Julai 22). 55% jenayah yang dilakukan ialah jenayah berat seperti membunuh, ragut, rogol dan samun. (Utusan Malaysia, 2004, Ogos 2). Bekas Menteri Dalam Negeri Azmi Khalid berulang kali mengatakan pendatang asing ini sebagai “menggugat keselamatan negara” (*Malaysia Today*, 2004, September 8). Data-data yang dibincangkan ini membuktikan bahawa pekerja asing semakin tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik dalam pekerjaan masing-masing dan sebaliknya mereka melibatkan diri dalam kegiatan yang negatif. Persoalannya, mengapakah prestasi kerja pekerja asing semakin merosot? Adakah disebabkan kebajikan mereka tidak dijaga oleh majikan dengan baik?

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Terdapat 72% buruh-buruh asing Indonesia yang sah adalah wanita (Kompas, 2005, Mei 11). Kebanyakan daripada tenaga buruh asing wanita ini bertumpu di sektor pendapatan yang sangat rendah dan tidak terselaras seperti pembantu rumah. Kebanyakan mereka menjadi pekerja asing kerana ingin mendapatkan gaji yang lebih besar dan kesempatan yang lebih baik. Statistik tahun 2006 menunjukkan terdapat 310,000 orang pembantu rumah Indonesia bekerja di Malaysia (Utusan Malaysia, 2007, Jun 17). Pihak majikan lebih suka mengambil pembantu rumah Indonesia kerana gaji yang lebih murah. Gaji pembantu rumah Indonesia adalah antara RM450 hingga RM600 berbanding dengan pembantu rumah Filipina perlu membayar minimum sebanyak RM760 sebulan (*Nan Yang Siang Pau*, 2007, Mei 24).

Hasil kajian yang dijalankan oleh Forum Kerja Pembantu Rumah Tangga Migran dan *Institut For Ecosoc Right* menunjukkan terdapat 114 pembantu rumah Indonesia di Singapura tewas akibat kecelakaan kerja, bunuh diri atau sebab-sebab lain sejak tahun 1999 hingga 2005 (Kompas, 2005, Mei 11). Angka kematian yang tinggi ini membuktikan perlindungan yang minimum dalam kalangan pembantu rumah Indonesia ini. Akibat kegagalan Malaysia dalam melakukan perubahan terhadap kelemahan pihak imigresen dan agensi buruh, ramai pekerja asing domestik yang telah menjadi mangsa kepada majikan-majikan dan agensi-agensi buruh yang tidak berhati perut. Undang-undang Buruh Malaysia, yang melindungi kebanyakan kategori pekerja, secara khususnya telah menyisihkan pekerja domestik daripada peruntukan akta tersebut.

Kes Nirmala itu telah memberi kesan terhadap kerajaan Malaysia dalam mengambil berat kebajikan pembantu rumah. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak telah mengemukakan pernyataan beliau dalam Berita Harian (2004, Mei 21) bahawa hukuman berat kepada pihak yang terbabit dalam kes penderaan bagi memberi isyarat kepada dunia luar bahawa Malaysia tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk penganiayaan ke atas buruh asing. Menurut beliau, majikan pembantu rumah terbabit akan didakwa atas dua tuduhan mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah manakala dua lagi tuduhan mengikut Seksyen 324 kanun yang sama kerana menyebabkan kecederaan. Seksyen 326 dan Seksyen 324 masing-masing memperuntukkan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan tujuh tahun serta denda bagi setiap tuduhan (Kadir Dikoh, Hassan Omar dan Shamsul Kamal Amarudin, 2004).

Kira-kira 90% daripada pembantu-pembantu rumah di Malaysia adalah warga Indonesia (Yulpisman Asli, Nizam Yatim dan Anand Kumar, 2007). Malangnya dalam laporan *Human Right Watch* (HRW) telah menunjukkan beribu-ribu pembantu rumah Indonesia yang bekerja di Malaysia menghadapi penderaan dan dalam kesengsaraan, kebajikan mereka telah diabaikan oleh pihak majikan disebabkan polisi-polisi kerajaan di kedua-dua negara yang gagal untuk memberi perlindungan kepada mereka. Undang-undang di Malaysia tidak merangkumi pembantu-pembantu rumah di dalam akta-akta perlindungan hak pekerja dan di Indonesia masih belum ada undang-undang yang khusus melindungi pekerja-pekerja migran.

Menurut Pengarah Eksekutif Bahagian Hak Wanita HRW, LaShawn Jefferson, pembantu rumah Indonesia dilayan sebagai manusia kelas kedua. Mereka perlu bekerja kuat tetapi didedahkan dengan kemudahan yang minimum seperti makanan yang tidak mencukupi atau kurang seimbang dan juga keadaan tempat tidur yang teruk (*Human Right News*, 2004, Julai 22). Menurut laporan *Human Right Watch* (2005), pekerja domestik Indonesia kebanyakannya bekerja selama 16 hingga 18 jam sehari, 7 hari seminggu dan hanya memperolehi sebanyak kurang daripada AS\$0.25 sejam. Ramai majikan-majikan yang menahan gaji pekerja-pekerja domestik ini sehingga kontrak mereka selama 2 tahun tamat.

Negara Hong Kong mula memberi prihatin terhadap hal ini. Mereka telah berusaha memastikan para pekerja domestik mereka menerima rehat dalam sehari yang cukup, gaji yang setimpal dan had masa bekerja dan hak untuk menyertai persatuan. *Coalition for Migrants Right* (CMR) merupakan sebuah persatuan di Negara Hong Kong untuk menjaga hak-hak buruh migran. Pembayaran gaji pembantu rumah tangga asing minimum adalah HKD3,270 sejak tahun 2003. Pada tahun 2006, pemerintah Hong Kong telah menaikkan gaji bagi para buruh migran pembantu rumah tangga asing. Kenaikan gaji tahun lalu sebesar HKD50 telah menjadi HKD80 (*CyberNews*, 2006, Jun 1). Walaubagaimanapun, Koalisi Hak-Hak Buruh Migran masih berpandangan kenaikan ini masih tidak mencukupi dibanding dengan sumbangan mereka terhadap perekonomian Hong Kong.

Dalam laporan *Human Right Watch* (2005) juga menyentuh tentang hak kebebasan pembantu rumah warga asing di Malaysia. Kebanyakan pekerja domestik adalah dihalang daripada meninggalkan tempat kerja mereka dan ramai di antara mereka yang mengalami penderaan psikologi, fizikal dan seksual yang dilakukan oleh agensi buruh dan para majikan. Badan bukan kerajaan dan Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur telah menerima beribu-ribu aduan daripada pembantu rumah tentang keadaan kerja, gaji dan penderaan yang mereka alami sejak beberapa tahun.

Bekas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid berpendapat bahawa kes pembantu rumah menghilang diri adalah kerana situasi atau tempat bekerja tidak sesuai dan juga majikan tidak menjaga kebajikan mereka seperti kerja melebihi masa, bebanan kerja yang berat, tidak menawarkan kemudahan seperti makanan yang

cukup serta sebab sikap majikan yang pelbagai kerenah atau mendera mereka. Menurut beliau juga, ada antara mereka memang mempunyai perancangan sebelum datang. Mereka telah membawa nombor telefon sindiket atau kumpulan yang melindungi mereka untuk bekerja di tempat lain seperti restoran dan warung-warung dengan pendapatan yang lebih (Utusan Malaysia, 2004, Ogos 2).

Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mendedahkan bahawa dari tahun 2002 hingga tahun 2006 purata setiap tahun mempunyai 1200 orang pembantu rumah melarikan diri. Menurut beliau juga, terdapat sebanyak 6800 orang pembantu rumah melarikan rumah pada awal lima bulan tahun 2007 ini. Ini menunjukkan kes melarikan diri ini semakin serius. Beliau telah menyatakan bahawa agensi pembantu rumah akan diambil tindakan bukan sahaja pihak majikan kerana kajian menunjukkan sebahagian pembantu rumah melarikan diri adalah sebab dihasut oleh agensi yang ingin mengautkan keuntungan (*Sin Chew Daily*, 2007, Mei 16).

Akhabar *China Press* juga melaporkan tentang kes pembantu rumah melarikan diri pada 21 Mei 2007 yang menyatakan bahawa purata baru pada tahun 2007 pembantu rumah terlibat kes lari diri ialah 1200 orang setiap bulan. Kajian yang dijalankan oleh Akhabar *China Press* menunjukkan hanya 1% mereka lari diri adalah kerana kebajikan mereka diabaikan oleh majikan dan tekanan kerja, manakala sebanyak 99% adalah kerana ingin mencari teman lelaki mereka yang sudah bekerja di Malaysia. Walaupun pasport mereka disimpan oleh pihak majikan tetapi mereka rela menjadi pendatang tanpa izin.

Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri diarah mewujudkan sistem pemeriksaan kesihatan seperti dilaksanakan Fomema Sdn Bhd bagi menyelia dan mengawasi ujian kesihatan ke atas pekerja asing. Dalam Berita Harian pada 30 Jan 2004 telah melaporkan bahawa semua majikan adalah diwajibkan memberi pemeriksaan kesihatan kepada pekerja asing di akhir tahun agar pekerja asing yang bekerja di Malaysia sentiasa dalam keadaan sihat (Salina Abdullah, 2004). Kini, laporan kesihatan pekerja asing merupakan satu syarat bagi memperbarukan permit kerja. Pemeriksaan kesihatan dijalankan bagi mengesan pengambilan dadah,

HIV/Aids, batuk kering, epilepsi (gila babi), barah, sakit buah pinggang, tekanan darah tinggi, diabetes, malaria, kusta dan penyakit mental.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad telah mengemukakan bahawa Fomema (*Foreign Workers Medical Examination Monitoring Agency*) telah mengesan 40 kes tuberkulosis dalam sehari dan hampir 15,850 kes dalam setahun dalam kalangan buruh asing semasa pemeriksaan kesihatan tahunan. Menurut beliau, punca utama buruh asing dijangkiti penyakit ini adalah kerana keadaan bekerja mereka yang teruk tanpa rehat yang mencukupi. Sesetengah buruh asing wanita menjangkiti tuberkulosis adalah dibawa daripada penyakit HIV yang disyaki mereka terlibat dalam jenayah pelacuran dengan memegang permit kerja pembantu rumah atau pembantu kedai (*The Star*, 2006, Mac 15).

Satu lagi kes yang terbaru dilaporkan oleh *Nan Yang Siang Pau* (2007, Jun 10) yang menyatakan bahawa pembantu rumah yang berpenyakit tibi telah menjangkitkan penyakit tersebut kepada dua orang anak tuan rumahnya. Majikannya bernama Tan Boon Heng amat terkejut apabila mengetahui pembantu rumahnya pernah menjangkiti penyakit tibi melalui laporan Fomema kali kedua. Encik Tan berasa hairan kerana pembantu rumah yang berpenyakit tibi boleh mendapat permit kerja. Dalam proses permohonan permit kerja, Encik Tan pernah menolong pembantu rumahnya menjalankan pemeriksaan badan di salah sebuah Fomema melalui agensi pembantu rumah. Encik Tan amat kecewa terhadap perbuatan agensi yang sengaja ingin menyembunyikan laporan Fomema kali pertama.

Datuk Dr.Chua Soi Lek, Menteri Kesihatan telah mendedahkan bahawa terdapat 25% pesakit di hospital kerajaan adalah pekerja asing. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendapati bahawa antara 1.3 juta pekerja asing terdapat 3.4% atau 4 puluh ribu pekerja asing menghadapi pelbagai penyakit termasuk batuk kering, HIV/Aids, kusta, tibi dan barah. Beliau berpendapat bahawa kebajikan kesihatan pekerja asing memang diabaikan oleh pihak majikan, mereka perlu bekerja walaupun dalam keadaan tidak sihat. Beliau juga menyarankan bahawa pihak majikan perlu memberi kemudahan perubatan kepada pekerja asing tanpa memotong gaji mereka dan diberi cuti sakit jika sakit tenat agar kebajikan mereka dijaga selalu (*Sin Chew Daily*, 2007, April 6).

Pada 7 Julai 2005, *The Star* telah melaporkan satu peraturan baru bagi mengambil pembantu rumah warga asing. Peraturan baru ini merugikan pihak majikan kerana diwajibkan membayar gaji mereka mula bulan pertama. Pemotongan gaji beberapa awal bulan untuk kos pentadbiran yang diberi kepada agensi kini adalah tidak dibenarkan (Audrey Edwards, 2005). Walaubagaimanapun, kebanyakan pihak majikan dan agensi tidak mempedulikan peraturan baru ini.

Menurut Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn, buruh asing perlu memberi layanan yang adil seperti buruh tempatan dan dilindungi bawah *ILO convention*. Menurut beliau, pihak majikan adalah diwajibkan melaporkan kepada pihak kerajaan tentang situasi atau keadaan bekerja buruh asing, kemudahan-kemudahan yang diterima oleh buruh asing dari semasa ke semasa (*The Star*, 2005, November 14). AWAM (*All Women's Action Society*) berpandangan bahawa pembantu rumah juga adalah pekerja, mereka haruslah dilindungi oleh Akta buruh dan berhak mendapat bayaran kerja lebih masa, cuti sakit dan kemudahan-kemudahan lain seperti pekerja lain barulah mereka akan menunjukkan prestasi kerja yang baik (*The Star*, 2006, Februari 16).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Menurut Dessler (2000), prestasi membawa maksud tahap pencapaian bagi sesuatu tugas yang dilaksanakan, di mana ia mempengaruhi kesempurnaan individu dalam memenuhi keperluan tugas tersebut. Kini, prestasi kerja pembantu rumah amat diragu-ragukan oleh para majikan semasa pengambilan pembantu rumah warga asing. Antaranya kes yang sering terjadi seperti kes lari dari rumah, penderaan anak tuan rumah, pembunuhan dan kecurian. Menurut laporan *Human Right Watch* (HRW) 2004, salah satu punca menjejaskan prestasi kerja dalam kalangan pembantu rumah Indonesia adalah kerana kebajikan mereka diabaikan oleh pihak majikannya. Organisasi Buruh Internasional (ILO) menilai perlindungan hukum bagi pekerja asing sampai saat ini masih rendah. Undang-undang di Malaysia masih tidak merangkumi

pembantu rumah warga asing di dalam akta-akta perlindungan hak pekerja.

Berdasarkan pernyataan yang dikemukakan, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aspek-aspek kebajikan pembantu rumah, mengkaji prestasi kerja pembantu rumah dan seterusnya meninjau pengaruh kebajikan ke atas prestasi kerja pembantu rumah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi beberapa objektif. Di antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- 1.4.1 Menenalpasti aspek-aspek kebajikan pembantu rumah warga Indonesia (hak kebebasan, bebanan kerja, masa bekerja, kemudahan perubatan, pemakanan, dan gaji) yang dipersepsikan sebagai penting dalam kalangan majikan mengikut keutamaan .
- 1.4.2 Mengkaji persepsi majikan terhadap prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia.
- 1.4.3 Meninjau persepsi majikan terhadap pengaruh kebajikan ke atas prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Beberapa persoalan kajian berkait rapat dengan objektif kajian adalah seperti berikut:



- 1.5.1 Apakah aspek-aspek kebajikan pembantu rumah warga Indonesia (hak kebebasan, bebanan kerja, masa bekerja, kemudahan perubatan, pemakanan, dan gaji) yang dipersepsikan sebagai penting dalam kalangan majikan mengikut keutamaan?
- 1.5.2 Apakah persepsi majikan terhadap prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis yang diuji di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.6.1 Terdapat pengaruh kebajikan ke atas prestasi kerja dalam kalangan pembantu rumah warga Indonesia.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aspek-aspek kebajikan pembantu rumah warga Indonesia iaitu hak kebebasan, bebanan kerja, masa bekerja, kemudahan perubatan, pemakanan, gaji dan seterusnya meninjau persepsi majikan terhadap pengaruh kebajikan ke atas prestasi kerja. Hasil kajian dan maklumat-maklumat yang dikumpulkan adalah penting dan berguna sebagai panduan dan bahan rujukan kepada beberapa pihak tertentu sama ada dari segi ilmiah ataupun gunaan.

- 1.7.1 Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada kerajaan Malaysia tentang kebajikan-kebajikan pembantu rumah warga Indonesia yang berada di

Malaysia dari aspek hak kebebasan, bebanan kerja, masa bekerja, kemudahan perubatan, pemakanan, dan gaji.


- 1.7.2 Kajian ini menjadikan panduan kepada kerajaan Malaysia tentang kepentingan menjaga kebajikan pembantu rumah warga Indonesia agar meningkatkan prestasi kerja pembantu rumah Indonesia.
- 1.7.3 Kajian ini dapat membantu agensi pembantu rumah menetapkan syarat-syarat menjaga kebajikan pembantu rumah warga Indonesia dengan pihak majikan dalam kontrak yang ditangani.
- 1.7.4 Kajian ini dapat menyedarkan para majikan akan kepentingannya menjaga kebajikan pembantu rumah warga Indonesia untuk meningkatkan prestasi kerja.
- 1.7.5 Kajian ini dapat menjadikan panduan kepada pihak majikan untuk menjaga kebajikan pembantu rumah dari aspek hak kebebasan, bebanan kerja, masa bekerja, kemudahan perubatan, pemakanan, dan gaji.
- 1.7.6 Kajian ini dapat membantu pembantu rumah warga Indonesia mengetahui bahawa aspek-aspek kebajikan yang sepatutnya mereka nikmati.
- 1.7.7 Kajian ini juga dapat mendorong pembantu rumah menghasilkan prestasi kerja yang baik.
- 1.7.8 Kajian ini juga akan menambahkan lagi bukti-bukti pengaruh kebajikan pembantu rumah ke atas prestasi kerja pembantu rumah Indonesia.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini adalah terbatas kepada aspek-aspek kebajikan pembantu rumah, prestasi kerja pembantu rumah serta pengaruh kebajikan ke atas prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia dari perspektif pihak majikan. Hanya enam aspek kebajikan pembantu rumah warga Indonesia akan ditujukan dalam kajian ini iaitu aspek hak kebebasan, bebanan kerja, masa bekerja, kemudahan perubatan, pemakanan, dan gaji. Responden yang dipilih hanya terhadap majikan-majikan pembantu rumah warga Indonesia di sekitar daerah Pontian, Johor. Kesahihan kajian bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan.

## 1.9 Kerangka Kajian

Kerangka kajian ini adalah seperti yang dijelaskan dalam rajah di bawah:



**Rajah 1.1** Kerangka kajian

## **1.10 Definisi Termonologi**

Bahagian ini menjelaskan definisi yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Kesemua definisi, konsep atau pengoperasian yang diterangkan pada bahagian ini adalah berdasarkan kesesuaian bagi kajian yang dijalankan.

### **1.10.1 Pembantu Rumah Warga Indonesia**

Menurut Kamus Perdana (2002), pembantu bermaksud penyokong, penolong. Warga boleh definikasikan sebagai ahli, anggota (Kamus Dewan, 1986). Pembantu rumah boleh dinyatakan sebagai pekerja domestik (Dorall, R, 1989). Dalam Kajian ini, pembantu rumah warga Indonesia adalah ditakrifkan sebagai orang yang diupah dengan tujuan menguruskan kerja rumah, menjaga kanak-kanak atau orang tua serta tugas-tugas lain yang bersesuaian. Mereka adalah berasal dari negara Indonesia.

### **1.10.2 Persepsi Majikan**

Persepsi bermaksud gambaran dalam hati tentang sesuatu, pandangan, tanggapan (Kamus Perdana, 2002). Menurut Kamus Dewan (1986), majikan boleh dinyatakan sebagai orang yang mengambil satu atau lebih pekerja, induk semang. Majikan juga diterangkan sebagai tauke (Kamus Perdana, 2002). Dalam kajian ini, persepsi majikan didefinikasikan sebagai pandangan atau tanggapan daripada tuan rumah yang mengambil pembantu rumah warga Indonesia.

### **1.10.3 Kebajikan**

Kebajikan bermaksud kebaikan atau jasa (Kamus Perdana, 2002). Menurut Noraini (2002), kebajikan bermakna apa sahaja yang dilakukan sama ada perbuatan atau pekerjaan baik yang mendatangkan faedah dan keselesaan kepada orang lain. Walaubagaimanapun, kebajikan dalam kajian ini didefinisikan sebagai kebaikan-kebaikan atau kemudahan-kemudahan yang harus dinikmati oleh pembantu rumah.

### **1.10.4 Hak Kebebasan**

Menurut Kamus Dewan (1986), hak bermakna kuasa atas sesuatu atau untuk berbuat sesuatu. Kebebasan boleh dinyatakan sebagai perihal bebas, kemerdekaan (Kamus Perdana, 2002). Dalam kajian ini, hak kebebasan menjelaskan bahawa pembantu rumah mempunyai kuasa untuk melakukan sesuatu dengan bebas dalam keadaan tidak terhalang atau tidak terkongkong oleh pihak majikan dengan syarat tidak melanggar undang-undang Malaysia.

### **1.10.5 Bebanan Kerja**

Kamus Perdana (2002) menerangkan bebanan kerja ialah muatan atau pikulan dalam kerja. Rosli (2003) berpendapat bebanan kerja ialah tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan dan mesti dilaksanakan pada masa yang ditetapkan. Secara kesimpulannya, bebanan kerja bermaksud tanggungan atau kerja yang perlu dipikul oleh pembantu rumah dalam tugas hariannya.

### **1.10.6 Masa Bekerja**

Menurut Kamus Dewan (1986), masa bermakna waktu, ketika. Bekerja bermakna melaku atau menjalankan sesuatu atau berbagai kegiatan. Dalam kajian ini, masa bekerja didefinisikan waktu atau tempoh yang digunakan oleh pembantu rumah untuk menjalankan tugas hariannya pada setiap hari. Tugas hariannya termasuklah mengurus, mengemas, membersihkan rumah, menjaga kanak-kanak atau orang tua serta tugas-tugas lain yang bersesuaian.

### **1.10.7 Kemudahan Perubatan**

Mengikut Kamus Perdana (2002), kemudahan ditakrifkan sebagai kegampangan, penyelesaian atau kelengkapan. Perubatan ialah prihal berubat, yang berkaitan dengan ubat atau usaha mengubati (Kamus Dewan, 2002). Dalam kajian ini, kemudahan perubatan boleh dijelaskan sebagai kesenangan yang disediakan oleh pihak majikan kepada pembantu rumah yang berkiatan hal perubatan. Kemudahan perubatan ditujukan di sini ialah pemeriksaan badan tahunan, jumpa doktor apabila sakit, memberi rehat yang cukup semasa tidak sihat.

### **1.10.8 Pemakanan**

Kamus Perdana (2002) menjelaskan pemakanan bermakna jenis-jenis makanan yang lazim dimakan atau ditentukan untuk dimakan. Dalam kajian ini, pemakanan yang ditujukan ialah makanan yang dinikmati oleh pembantu rumah setiap

hari dengan tujuan untuk mengenyangkan perut. Makanan-makanan tersebut adalah ditentukan atau disediakan oleh pihak majikannya.

### **1.10.9 Gaji**

Gaji ialah upah yang tetap, bayaran yang tetap untuk pekerjaan (Kamus Dewan, 1986). Secara umumnya, ia boleh didefinisikan sebagai suatu bentuk ganjaran, upah atau pendapatan yang didapati oleh individu di atas balasan kerja yang telah dibuat mengikut syarat yang telah dipersetujui bersama-sama oleh kedua-dua belah pihak. Dalam kajian ini, gaji disimpulkan sebagai upah yang diterima oleh pembantu rumah selepas menjalankan tugas mereka pada akhir bulan. Ia juga boleh dinyatakan sebagai bayaran dari majikan kepada pembantu rumah atas sumbangan mereka dalam menjalankan tugas.

### **1.10.10 Prestasi Kerja**

Prestasi bermaksud hasil yang telah diperolehi (Kamus Dewan, 1986). Dessler (2000) menjelaskan prestasi ialah tahap pencapaian bagi sesuatu tugas yang dilaksanakan, di mana ia mempengaruhi kesempurnaan individu dalam memenuhi keperluan tugas tersebut. Menurut Ab. Aziz Yusof (2003), penilaian prestasi merupakan satu proses pengukuran ke atas individu di dalam pekerjaannya berdasarkan faktor pertimbangan tertentu selain daripada produktiviti. Oleh itu, prestasi kerja dalam kajian ini diukur dari segi tumpuan pembantu rumah warga Indonesia terhadap tugas hariannya, kesanggupan melakukan tugas, kemampuan ia menangani permasalahan serta hasil kerja yang ditunjukkan. Kajian ini akan meninjau pengaruh kebajikan ke atas prestasi kerja pembantu rumah warga Indonesia.